

## PENDIDIKAN *QIRĀ'AT*: SATU SOROTAN SEJARAH

Zainora binti Daud<sup>1</sup>, Muhammad Fairuz A.Adi<sup>2</sup>

[zainora@kuis.edu.my](mailto:zainora@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [fairuz@kuis.edu.my](mailto:fairuz@kuis.edu.my)<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan sejarah pendidikan *qirā'at* yang melibatkan beberapa fasa perkembangan. Kajian kepustakaan mendapati ia bermula sejak zaman nuzūl al-Qur'an di zaman Rasulullah s.a.w. Nuzūl al-Qur'an mengambil masa dua puluh tiga tahun secara berperingkat-peringkat yang bermula dengan empat ayat pertama dalam surah al-Alaq. Baginda merupakan guru *qirā'at* pertama yang terlibat dalam proses pendidikan *qirā'at*. Pendidikan *qirā'at* terus tumbuh dan bercambah dengan rancak dengan usaha yang gigih oleh Rasulullah dalam memelihara *qirā'at* al-Qur'an dan diteruskan oleh perjuangan para sahabat seperti Saydinā Abū Bakar al-Siddiq, Saydinā Umar al-Khattāb, Saydinā Uthmān al-'Affān, Zaid bin Thābit dan sahabat-sahabat lain. Mereka juga terlibat dengan proses pengumpulan dan penulisan semula al-Qur'an. Fasa pendidikan *qirā'at* terus berkembang sehingga ke zaman penulisan dan pembukuannya. Signifikansi fasa perkembangan tersebut melahirkan ramai tokoh-tokoh *qirā'at* yang menjadi rujukan utama di dalam institusi-institusi pengajian seperti imam al-Shātibiy dan imam al-Jazariy. Pada asasnya kertas kerja ini akan memfokuskan kepada tiga bahagian utama yang meliputi pengertian pendidikan *qirā'at*, pendidikan *qirā'at* di zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman tabi'in serta penulisan dan pembukuan *qirā'at*.

**Kata Kunci:** Qiraat, Pendidikan, Penulisan.

## 1.0 PENGENALAN

Perkataan pendidikan *qirā'at* ini merupakan dua perkataan yang membawa maksud subjek yang menjadi alat untuk mengajar pelajar kepada proses p&p *qirā'at*. Pendidikan *qirā'at* bermula pada zaman Rasulullah s.a.w, seterusnya berkembang ke zaman sahabat, para tabi'in sehingga zaman kini. Pendidikan *qirā'at* memfokuskan sebutan lafaz-lafaz ayat al-Qur'an sama ada secara teori dan amali berdasarkan konsep *talaqqī* dan *mushāfahah*. Kertas kerja ini membincangkan definisi dan konsep pendidikan *qirā'at*. Malahan ia juga membincangkan sejarah pertumbuhan *qirā'at* dan fasa-fasa perkembangan *qirā'at* dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga tabi'in.

### Definisi Pendidikan

Perkataan Pendidikan *Qirā'at* berasal daripada dua perkataan iaitu pendidikan dan *qirā'at*. Kedua-dua perkataan tersebut perlu diperjelaskan sebagai kunci bagi memahami konsep pendidikan *qirā'at* di dalam kertas kerja ini. Perkataan pendidikan ialah perihal atau perbuatan mendidik.<sup>1</sup> Jika dilihat dalam istilah bahasa Arab, terdapat banyak istilah yang membawa pengertian pendidikan tetapi penulis hanya memfokuskan kepada dua istilah iaitu istilah *ta'lim* serta istilah *tadris*. Istilah *ta'lim* berasal daripada kalimah *'allama* secara umumnya terbatas kepada pengajaran dan pendidikan kognitif serta kemahiran sahaja.<sup>2</sup> Manakala istilah *tadris*, dari akar kata *darasa* juga boleh disimpulkan secara umum kepada pengajaran dan terikat dengan proses pembacaan dan hafazan supaya tidak lupa.<sup>3</sup>

### Definisi *Qirā'at*

*Qirā'āt* dari segi bahasa ialah kata jama' bagi perkataan *qirā'ah* yang bererti bacaan. *Qirā'ah* ialah kata nama terbitan bagi kata kerja perbuatan masa lalu iaitu *qarā'a* dan perbuatan masa kini iaitu *yaqra'u*. Orang yang membaca dipanggil *qārī* dan *Qur'ān* adalah sesuatu yang dibaca.<sup>4</sup>

Dari segi istilah pula, 'Abd al-Fattāh al-Qādī pula menerangkan bahawa *qirā'āt* sebagai suatu ilmu yang membahaskan tentang cara menyebut kalimah-kalimah al-Qur'an dan jalan menunaikannya dari segi persamaan dan perselisihan serta menyandarkan setiap bentuk bacaan

<sup>1</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, H.350.

<sup>2</sup> Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram (t.t), *Lisan al-'Arab*, Bayrut: Dar Sadir, J.2, H.416-422, Ibrahim Mustafa & et.al., 1393H/1972M, *al-Mu'jam al-Wasit*, Turki: al-Maktabah al-Islamiyyah, H.624

<sup>3</sup> Ibrahim Mustafa & et.al., *Ibid*. H.279-280.

<sup>4</sup> Al-Fayrūz Abādī, "*Qarā'a*," dalam *Al-Qāmūs al-Muhīt*, 1419H/1998M, Bayrūt: Mua'ssah al-Risālah, H.49.

kepada perawinya.<sup>5</sup> Dan *qirā'at* juga ialah ilmu yang berkaitan cara-cara menyebut kalimah al-Qur'an al-Karim dari aspek *takhfif*, *tasydīd*, perbezaan lafaz-lafaz al-Qur'an di dalam huruf-huruf Hija'iyah.<sup>6</sup>

### **Pengertian Pendidikan *Qirā'at***

Pendidikan *qirā'at* ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang menjelaskan perselisihan lafaz-lafaz wahyu sama ada cara menulis huruf-hurufnya atau cara menyebutnya dari segi *takhfif*, *tasydīd* dan lain-lain. Ia hanya terhasil dengan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* kerana ia adalah sesuatu yang tidak boleh dihukumkan kecuali melalui pendengaran dan *mushāfahah*.<sup>7</sup>

Abd al-Fattāh al-Qādī menyatakan bahawa objektif pendidikan *qirā'at* iaitu dapat memelihara daripada sebarang kesalahan membaca atau menyebut kalimah-kalimah al-Qur'an, dapat menjaga kalimah-kalimah al-Qur'an daripada penyelewengan dan perubahan daripada yang asal, dapat mengetahui bacaan daripada para *Imam qurrā'* dan dapat membezakan antara bacaan *qirā'at* yang boleh dibaca dan tidak boleh dibaca.<sup>8</sup>

## **2.0 PENDIDIKAN *QIRĀ'AT* DI ZAMAN RASULULLAH**

Sejarah pendidikan *qirā'at* al-Qur'an bermula pada zaman Rasulullah s.a.w kerana baginda s.a.w terlibat dengan proses penurunan dan penyampaian wahyu daripada Allah s.w.t melalui malaikat *Jibrīl* selama dua puluh tiga tahun secara berperingkat<sup>9</sup>. Nabi Muhammad s.a.w merupakan ketua *qurra* yang telah mengajarkan *qirā'at* kepada para sahabat<sup>10</sup> Pada peringkat awal penurunan al-Qur'an, al-Qur'an telah diturunkan dalam bahasa Quraish tetapi implikasi dengan peristiwa aduan Rasulullah s.a.w tentang kesusahan umat Islam untuk membaca al-Qur'an dan untuk meringankan dan memberi kemudahan umat Islam membaca al-Quran. Maka al-Qur'an

<sup>5</sup> 'Abd al-Fattāh al-Qādī, 1415H/1955M, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā'āt al'Ashr al-Mutawātirah min tariqay al-Shātibīyyah wa al-Durrah* (Qāherah:Maktabah 'Īsā al-Bāb al-Halabī), H.5.

<sup>6</sup> Muhammad Salim Muhaysin, 1409H/1989M, *Fi Rihab al-Qu'ran*, Bayrut: Dār al-Jīl.1, H.208.

<sup>7</sup> Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abd Allāh Al-Zarkashī, 1972, *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Qāherah: Maktabah 'Īsā al-Bāb al-Halabī, H. 318.

<sup>8</sup> 'Abd al-Fattāh al-Qādī, *al-Budūr al-Zāhirah*, *Ibid.* H.5.

<sup>9</sup> Fadl Hasan 'Abbas, 1428H/2008M, *al-Qirā'āt al-Qur' āniyyah wa ma yata'allaqu biha*, al-Urdun: Dār al-Nafa'is, H.85-86.

<sup>10</sup> Manna' al-Qattan, 1417H/1996M, *Mabāhith fī 'ulum al-Qur'ān*, Maktabat Ma'arif, Riyadh, H.156-163.

diturunkan dengan tujuh huruf.<sup>11</sup> Lantaran itu, Rasulullah s.a.w merupakan orang pertama yang terlibat dengan pengajian *qirā'at* dan telah bertalaqqī dengan malaikat *Jibrīl* dengan semua wajah-wajah *qirā'at mutawātirah* sama ada bacaan *tahqīq*, *tashīl hamzah*, *bacaan taghyīr*, *isqāt*, *fath al-alif*, *taqlīl*, *ijtimā'*, *imālah*, *idghām al-Saghīr*, *idghām al-Kabīr* dan semua *farsh hurūf* yang disandarkan kepada semua imam-imam hingga imam 'Asharah.<sup>12</sup>

Banyak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat yang menjelaskan penurunan al-Quran yang dikenali dengan *sab'ah ahruf*. Pertumbuhan *qirā'at* ini berdasarkan kepada hadis-hadis yang berkaitan penurunan al-Qur'an dalam tujuh huruf. Subhī Sālih<sup>13</sup> telah membahaskan maksud *sab'ah ahruf* merangkumi perbezaan dari segi *i'rāb*, *huruf* sama ada berubah maksud tanpa bentuk susunan atau sebaliknya, nama-nama seperti *mufrad*, *thāniyyah*, *jama'*, *tazkīr* dan *ta'nīs*, dengan menukarkan perkataan dengan perkataan, kedudukan perkataan sama ada mendahului atau mengakhiri, menambah atau mengurangkan perkataan, loghat atau dialek.

Antara hadis- hadis yang menunjukkan penurunan al-Qur'an dalam tujuh huruf ialah:

1) Hadis daripada Ibnu 'Abbās (r.a) menceritakan bahawa Nabi s.a.w telah bersabda:

أن ابن عباس حدثه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: أقرأني جبريل عليه السلام على حرف فراجعته، فلم أزل أستزيده فيزيديني حتى انتهى إلى سبعة احرف .

Terjemahan: Jibrīl membaca kepadaku (al-Qur'an) dalam satu huruf (bentuk), aku pun mengulanginya, maka aku terus meminta ditambahkan lagi (bentuk lain) dan Jibrīl pun menambakkannya sehinggalah terhenti kepada tujuh huruf (bentuk).

2) Hadis peristiwa perselisihan bacaan surah al-Furqan yang dibaca oleh Hishām bin Hakīm dalam sembahyang dengan Saydinā 'Umar bin al-Khattāb sehingga diadakan kepada Rasulullah s.a.w dengan diperdengarkan kedua-dua bacaan di hadapan baginda, lalu Nabi s.a.w bersabda:

<sup>11</sup> Abd al-Fattah Isma'il al-Sha'labiyy, 1419H/1999M, *al-Maqdal wa al-Tamhid fi 'Ilm al-Qiraat wa al-Tajwid*, Qāherah: Maktabat Wahbat, H.11.

<sup>12</sup> Muhammad al-Habash, 1419H/1999M *Al-Qirā'āt al-Mutawātirah: wa atharuhā fī al-Rasm al-Quranī wa al-Ahkām al-Shar'iyyah*. cet.per-1, Bayrūt: Dār al-Fikr. H.41-42.

<sup>13</sup> Subhī Sālih, 1409H/1990M. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn. H.115.

فقال: "هكذا أنزلت. أن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف، فاقرءوا ما تيسر منه.

Terjemahan: Maka Rasulullah bersabda: “Begitulah ia diturunkan, Sesungguhnya al-Qur’an ini telah diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah apa yang mudah daripadanya.

Hadis-hadis di atas menjelaskan bahawa al-Qur’an telah diturunkan dengan sebahagian lajah-lajah atau loghat bahasa Arab yang dikenali untuk memudahkan mereka di dalam pembacaan al-Qur’an dan memahami maksud dan isi-isi pengajarannya. Pengajaran yang boleh dilihat daripada hadis-hadis tersebut:

- a) Perselisihan yang berlaku merujuk kepada cara bacaan al-Qur’an.<sup>14</sup> Ini dibuktikan dengan perkataan *qara’* yang terdapat dalam hadis-hadis tersebut.
- b) Sumber kepada segala cara bacaan tersebut ialah dari Rasulullah s.a.w dan bukan ijihad atau pendapat para sahabat. Ini terbukti dengan perkataan *al-iqrā’* yang membuktikan berlakunya proses pemindahan bacaan daripada Rasulullah kepada para sahabat seterusnya menunjukkan bahawa *qirā’at* merupakan sesuatu yang bersifat *tawqifi* (bersumberkan wahyu sahaja).<sup>15</sup>
- c) Rasulullah tidak mengajar setiap sahabat dengan semua *qirā’at*, bahkan setiap orang dengan satu bacaan. Ini terbukti apabila berlaku perselisihan di antara mereka mengenai bacaan masing-masing dan akhirnya kesemua bacaan tersebut diperakui daripada Rasulullah.<sup>16</sup>
- d) Memberi keizinan serta kemudahan dan keringanan kepada setiap kabilah Arab untuk membaca al-Qur’an mengikut loghat dan dialek mereka. Ini menunjukkan mukjizat al-Qur’an dan keagungan Allah menurunkan al-Qur’an dalam tujuh *ahruf*.<sup>17</sup>

Tempat pertama penyebaran *qirā’at* bermula di Mekah. Ini dilihat dengan pendapat Muhaysin yang telah menggariskan bahawa pendapat yang paling *rājih qirā’at* telah bermula di Mekah al-Mukarramah<sup>18</sup> dan ini turut disokong oleh Khayr al-Dīn Sayyib<sup>19</sup> kerana:

<sup>14</sup> Muhammad Muhammad Sālim Muhaysin, 1402H/1982M. *Al-Irshādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā’āt al-Sab’ min Tarīq al-Shātibiyyah*. Qāherah: al-Idārah al-‘Ammah lil Ma’āhid al-Azhariyyah. H.16-17.

<sup>15</sup> Hasan Diyā’ al-Dīn ‘Itr. 1988M. *Al-Ahruf Sab’ah wa Manzilah al-Qirā’āt minhā* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah. H.66-71.

<sup>16</sup> Abd Halim ibn Muhammad al-Hādī Qābāh, 1999M. *al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah: Tārīkhuhā, Thubūtuḥā, Hujjiyatihā, wa Ahkamihā*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī. H.105.

<sup>17</sup> Muhammad al-Mukhtar Wulad Abbah, 2008M. *Tārīkh al-Qirā’āt fī al-Mashrīq wa al-Maghrib*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. H. 56-57.

<sup>18</sup> Muhaysin, *Fī Rihāb al-Qur’ān al-Kārīm*, *Ibid*. H.233-234.

- a) Kebanyakan surah-surah al-Qur'an iaitu lapan puluh tiga surah diturunkan di Mekah yang merangkumi *Ahruf Sab'ah*.
- b) Kelonggaran untuk membaca al-Qur'an di dalam *Ahruf Sab'ah* tidak terbatas kepada surah-surah yang diturunkan di Madinah tetapi merangkumi seluruh al-Qur'an sama ada yang diturunkan sebelum atau selepas hijrah kerana lafaz al-Qur'an yang disebut di dalam *hadīth* mengandungi dua-dua keadaan sebagaimana yang telah ditunjukkan dalam perbezaan bacaan Saydinā Umar ibn al-Khattāb dan Hishām bin Hakīm dalam surah al-Furqan yang diturunkan di Mekah.
- c) Keringanan membaca al-Qur'an dalam tujuh huruf yang diberikan kepada umat Rasulullah telah bermula di Mekah.
- d) Peristiwa Bani Ghiffār yang telah disebut dalam riwayat *sahīh Muslim*<sup>20</sup> yang menjadi perbincangan lokasi sebenar bani Ghiffār sama ada di Madinah atau Mekah.

Madrasah pertama pendidikan *qirā'at* telah bermula dengan peranan Rasulullah s.a.w di dalam menyampaikan *qirā'at* secara *talaqqī* dan *mushāfahah* kepada para sahabat. Rasulullah sangat komited dalam penjagaan *qirā'at* al-Qur'an supaya ia terus kekal dan terpelihara sehingga mengambil inisiatif dengan menyampaikannya kepada para sahabat dan melantik juru tulis wahyu untuk memelihara *qirā'at*.<sup>21</sup> Terdapat dua peranan yang bertanggungjawab menyebarkan dan mengembangkan *qirā'at* iaitu peranan huffaz al-Qur'an yang hidup pada zaman Rasulullah s.a.w seperti Mu'āz bin Jabal, Ubayy bin Ka'ab, Zaid bin Thābit, Abū Zaid, 'Abd Allāh bin Mas'ūd, 'Ubādah bin al-Sāmit, Abū Dardā' dan Abū Ayyūb al-Ansāriy dan peranan para sahabat yang sangat gigih dan tekun mempelajari *al-Qirā'at* yang bertanggungjawab menyebarkan *qirā'at* sehingga dapat dinaqalkan secara shahih dan mutawatir. Antaranya. Keempat-empat khalifah 'Abd Allāh bin 'Amrū bin al-'Ās, Anas bin Mālik dan lain-lain.

Rasulullah telah mengutuskan para sahabat ke pelusuk negara-negara Arab untuk mengajarkan *qirā'at* dan menyebarkan dakwah Islamiyyah mengikut bacaan

<sup>19</sup> Khayr al-Dīn Sayyib. 1429H/2008M. *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah wa Athāruhā*. Bayrut, Lubnān: Dār Ibn Hazam H.54-55.

<sup>20</sup> Riwayat Muslim, Kitāb Salāh al-Musāfirīn wa Qasaruhā, Bāb al-Qur'ān Anzala 'alā Sab'ah Ahruf, no.hadīth 272. Hasan 'Abbās Qutb, Sahīh Muslim bi Sharh al-Nawawī, (cet.per-1, Riyād: Dār 'Ālam al-Kutub, 1423H/2003M), H.5:106-107.

<sup>21</sup> Manna' al-Qattan, *Ibid*, H.121-123.

*qirā'at* yang diterima masing-masing daripada Rasulullah s.a.w sama ada satu bacaan atau lebih.<sup>22</sup>

### 3.0 PENDIDIKAN *QIRĀ'AT* DI ZAMAN SAHABAT

Penyebaran pendidikan *qirā'at* bermula dengan peranan para sahabat yang menerima bacaan al-Qur'an secara *birtalaqqī* dan *mushāfahah* daripada Rasulullah dengan pelbagai *wajah qirā'at* sama ada secara satu *huruf*, dua *huruf* atau lebih *huruf*.<sup>23</sup> Dan terdapat juga di kalangan para sahabat yang *birtalaqqī qirā'at* secara perseorangan atau berkumpulan dan para sahabat sentiasa membaca *qirā'at* antara mereka.<sup>24</sup> Ramai para sahabat yang sentiasa mendampingi baginda ketika baginda masih hidup. Selepas kewafatan Rasulullah, ilmu *qirā'at* berkembang luas di pelusuk Tanah Arab. Para sahabat mengajar dan membaca al-Qur'an mengikut *qirā'at-qirā'at* yang telah *dirtalaqqī* daripada Rasulullah s.a.w.<sup>25</sup>

Para sahabat mengajar atau memindahkan *qirā'at* kepada sahabat yang lain sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah. Oleh yang demikian, telah menimbulkan perselisihan bacaan di kalangan para sahabat yang berlaku semenjak zaman Rasulullah sehingga selepas berlakunya hijrah.<sup>26</sup> Peristiwa ini dibuktikan dengan dengan hadis yang diriwayatkan oleh 'Umar al-Khattāb yang mendapati bacaan Hishām bin Hakīm berbeza dengan bacaannya yang diambil daripada Rasulullah.

Menurut Makkī bin Abī Talib bahawa selepas Rasulullah wafat, sekumpulan jemaah para sahabat keluar untuk mengajar masyarakat tentang al-Qur'an dan ilmu agama mengikut pelbagai *qirā'at* yang telah dipelajari dari Rasulullah s.a.w.<sup>27</sup>

Sekumpulan sahabat dan *tabi'in* yang mempelajari dan mengambil bacaan *qirā'at* daripada para sahabat, antara contohnya Abū Hurayrah, Ibnu 'Abbās, 'Abd

---

<sup>22</sup> Sha'bān, Muhammad Ismā'il, 1420H/1999M *al-Qirā'āt Ahkāmuhā wa Masdaruhā* Ed.ke-2. Qāherah: Dār al-Salām,H.49.

<sup>23</sup> Sha'bān,*Ibid.* H.49.

<sup>24</sup> 'Abd al-Halīm. *Al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, *Ibid.* H.51-52

<sup>25</sup> Ahmad al-Baylī, *Al-Ikhtilāf baina al-Qirā'āt*. Bayrūt: Dār al-Jīl, 1404H/1984M),H. 39-41

<sup>26</sup> Abd al-Fattah Isma'il al-Shalabiyy, 1999/1419,H.11.

<sup>27</sup> Amānī bintu Muhammad 'Āshūr Umm Walīd, 1432H/2011M. *al-'Usūl al-Nayyirāt fī al-Qirā'āt*. Riyād: Madār al-Watan li al-Nashr.H.44.

Allāh bin al-Saib, ‘Abd Allāh bin ‘Iyash dan Abū ‘Aliyyah al-Riyahī telah membaca al-Qur,’an dan mempelajarinya daripada Ubay bin Ka’ab, Al-Aswad bin Yazīd al-Nakha’i daripada ‘Abd Allāh bin Mas’ūd.

Pengorbanan para sahabat yang gigih dan bertungkus lumus dalam menyampaikan *qirā’at* dan memelihara al-Qur’an dilihat bermula sejak zaman Saydinā Abu Bakar yang mengambil inisiatif dengan mengumpulkan al-Qur’an dan menyusun ayat-ayat dan surah-surah dalam al-Qur’an di dalam satu mushaf.<sup>28</sup> Saydinā ‘Umar al-Khattāb merupakan orang pertama yang memberi idea untuk mengumpulkan al-Qur’an yang telah dipelopori oleh Zaid bin Thābit,<sup>29</sup> ekoran daripada peperangan al-Yamamah yang mengorbankan ramai huffaz al-Qur’an.<sup>30</sup>

Usaha-usaha tersebut diteruskan oleh Saydinā ‘Uthmān, berikutan peristiwa peperangan al-Yamamah yang berlaku pada tahun dua belas hijrah yang telah mengorbankan beratus-ratus umat Islam termasuk tujuh puluh orang huffaz. Peristiwa tersebut telah mencetuskan idea untuk menyalin semula dan mengumpulkan al-Qur’an dalam satu *mashaf* di zaman *khulafā’ al-rāshidīn*. Bahkan pada zaman Saydinā ‘Uthmān juga telah tercetus pertelingkahan antara umat Islam tentang perbezaan *qirā’at* sebagaimana yang telah diadu oleh Huzayfah kepada Saydinā ‘Uthmān sehingga Saydinā ‘Uthmān bertindak mengumpulkan al-Qur’an dalam satu *mashaf* kemudian mengedarkan *mashaf-mashaf* tersebut ke seluruh Tanah Arab dan membakar *mashaf-mashaf* lain dan memerintahkan para *Qurrā’* untuk menggunakan *mashaf-mashaf* tersebut sahaja.<sup>31</sup> Para sahabat yang bertanggungjawab menyebarkan *qirā’at* dan mengajar umat Islam *mashaf* pada masa itu secara *talaqqī* dan *mushāfahah*,

Ramai para sahabat berminat mendalami ilmu *qirā’at* sehingga bilangan mereka bertambah. Di antara para sahabat yang masyhur di dalam ilmu *qirā’at* ialah Saydinā Uthmān bin ‘Affān, Saydinā ‘Alī bin Abī Tālib, Ubay bin Ka’āb, ‘Abd Allāh bin Mas’ūd, Zayd bin Thābit al-Ansārī dan Abū Mūsā al-Asha’rī. Mereka telah melahirkan ramai para pelajar yang mahir dalam ilmu *qirā’at* antaranya al-Mughīrah

<sup>28</sup> Ahmad al-Bayliyy, *Ibid*, H.39.

<sup>29</sup> Ahmad Muhammad Abū Zaythar, 1995M/1415H. *Latā’if al-Bayān fi Rasm al-Qur’ān syarah Mawrid al-Zam’ān*, Mīsr: Ma’āhid al-Azhariyyah. H.6-7.

<sup>30</sup> Fadl Hasan ‘Abbas, *Ibid*. H.89-90.

<sup>31</sup> Ahmad al-Baylī, *Ibid*.H.57.



bin Abī Shihāb al-Makhzūmī, Abī ‘Abd Rahmān al-Sulamī, ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, ‘Alqamah bin Qays, Abū Hurayrah, Abū Raja’ al-‘Atāridī, Sa’īd bin al-Musayyab dan lain-lain.<sup>32</sup>

Malahan sahabat pertama yang dikenali sebagai *muqrī’* ialah Mas’ab bin ‘Umayr iaitu orang pertama yang dipilih oleh Rasulullah untuk pergi ke Madinah untuk menyebarkan al-Qur’an dan *al-Qirā’āt* sebelum hijrah Rasulullah.<sup>33</sup>

#### 4.0 PENDIDIKAN QIRĀ’AT DI ZAMAN TABI’IN

Pada zaman *tābi’īn*, Islam berkembang dengan luas sehingga banyak negara-negara Islam dibuka, ramai para *huffāz* al-Qur’an yang lahir dan mereka sangat mahir dalam bidang pengajian *qirā’at* telah bertalaqqī daripada para sahabat di pelusuk Tanah Arab yang mendapat kiriman *mashaf-mashaf* al-Qur’an di zaman Saydinā ‘Uthmān seperti di Madinah iaitu Abū Ja’afar Yazīd bin al-Qa’qā’ dan Nāfi’ bin ‘Abd Rahmān bin Abī Nu’aym, di Mekah ‘Abd Allāh bin Kathīr, di Basrah Abū ‘Amrū bin al-‘Alā’ al-Basrī, Ya’qūb bin Ishāq al-Hadramī, di Shām ‘Abd Allāh bin ‘Āmir al-Shāmī al-Yahsabī, di Kūfah ‘Āsim bin Buhdalah bin Abī Najūd, Hamzah bin Habīb al-Ziyāt, ‘Alī bin Hamzah al-Kisā’ī,<sup>34</sup> Dan di Baghdād pula Abū Muhammad Khalaf bin Hishām al-Bazzār.<sup>35</sup>

Pada zaman ini juga bermulanya perbezaan dalam meriwayatkan *wajah-wajah qirā’at*. Selepas mereka, muncul segolongan ulama yang secara khusus mendalami dan menguasai bidang pengajian *qirā’at* sehingga terhasil kitab-kitab *qirā’at* dan muncul imam-imam *qirā’at* yang menjadi tempat rujukan dan dikenali dengan istilah *Qirā’āt Sab’ah* dan *Qirā’āt ‘Asharah*.<sup>36</sup>

Maka lahir para ulama yang masyhur antara *Qurrā’ ‘Asharah* yang dinisbahkan dengan *qirā’āt* yang *mutawātir* pada zaman dan tempat kelahiran mereka antaranya Abū Ja’far dan Nāfi’ di Madīnah, Ibnu Kathīr di Mekah, Ibnu Āmir di Shām, Abū

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> ‘Abd al-Halīm. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah. Ibid.* H.54.

<sup>34</sup> Sālim Muhaysin, *Fī Rihāb al-Qur’ān, Ibid.* Juz 1, H.274-281.

<sup>35</sup> ‘Abd al-Halīm. *Al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah, Ibid.* H.58.

<sup>36</sup> Sha’bān, *al-Qirā’āt Ahkāmuhā, Ibid.* H.54.

‘Amrū al-Basrī dan Ya’qūb al-Hadramī di Basrah, ‘Āsim, Hamzah, Kisā’ī, Khalaf al-Bazzār di Kūfah. Dan setiap dari mereka muncul dua orang para perawi *qirā’at* yang amat *thiqah* dan *dābit* dalam bidang *qirā’at*.<sup>37</sup>

## 5.0 ZAMAN PENULISAN DAN PEMBUKUAN QIRĀ’AT

Bermula era penulisan dan pembukuan *qirā’at* apabila para *Qurrā’* yang masyhur telah *menaqalkan qirā’at-qirā’at* dari imam-imam *qirā’at* yang *mutttaqīn* dan masyhur dengan ilmu *riwāyah* dan *dirāyah* bertepatan dengan rukun-rukun *qirā’at*. Kitab pertama yang menulis ilmu *qirā’āt* ialah *al-Qirā’at* oleh Abū ‘Ubayd bin Sallām (224H) yang telah mengumpulkan 25 orang imam *qirā’āt* bersama tujuh imam dalam kitabnya.<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, penulisan *qirā’at* sebenarnya telah bermula pada kurun pertama tetapi tidak masyhur iaitu kitab yang ditulis oleh Yahyā bin Ya’mar (90H) yang mengumpulkan semua *riwayāt* beliau mengenai perbezaan *qirā’at* yang selari dengan *rasm al-‘Uthmānī*. Pada kurun kedua, terdapat tiga kitab *qirā’at* yang ditulis oleh Abān ibn Thaghlab al-Kūfī, Muqātil ibn Sulayman dan Za’idah ibn Qudamah al-Thaqāfī.<sup>39</sup>

Selepas itu kitab *qirā’at* yang ditulis oleh Abū Hātim al-Sajastānī (255H) tetapi tidak masyhur. Kemudian diikuti dengan Ahmad bin Jubayr al-Kūfī (9285H) yang telah mengumpulkan lima orang imam dalam kitabnya, al-Qādī Ismā’īl bin Ishāq al-Malikī Sāhib Qālūn telah mengumpulkan dua puluh imam *qirā’āt* termasuk imam tujuh dalam kitabnya, Abū Ja’afar Muhammad bin Jarīr al-Tabarī (310H) telah menulis dalam kitabnya *al-Jāmi’* lebih dua puluh orang imam *qirā’āt* dalam kitabnya. Kemudian al-Imam Abū Bakr al-Dājūnī telah mengumpulkan sebelas orang imam *qirā’at* termasuk Abū Ja’afar. Abū Bakr Ahmad bin Mūsā al-‘Abbās yang dikenali

<sup>37</sup> Al-Nuhhās, ‘Alī Muhammad Tawfiq, *Muqaddimah fī ‘Ulūm al-Qirā’āt. Tantā: Dār al-Sahābah li al-Turāth, 1425H/2004M. H.22-24,*

<sup>38</sup> Abī Shāmah al-Dimashqī, 1402H/1891M. *Ibrāz al-Ma’ānī min Hirz al-Amānī fī al-Qirā’āt al-Sab’.*(Qāherah: Maktabah wa Matba’ah Mustafā al-Bābī al-Halabī.H.22.

<sup>39</sup> Al-Bazmūl, Muhammad ‘Umar bin Sālim, 1417H/1996M. *Al-Qirā’āt wa Āthāruhā fī al-Tafsīr wa al-Ahkām.* Jilid 2. Riyād: Dār al-Hijrah,H.197-198.

dengan Mujāhid ialah orang pertama yang menjelaskan imam tujuh.<sup>40</sup> Ibn Mujāhid merupakan orang pertama yang mengumpulkan tujuh *qirā'at* daripada tujuh imam. Nama beliau ialah al-Imam Abū Bakr Ahmad bin Mūsā bin al-'Abbās yang masyhur. Beliau telah mengumpulkan tujuh *qirā'at* daripada tujuh imam yang terdiri dari *Haramayn*, Iraq,<sup>41</sup> dengan penulisan kitabnya yang terkenal ialah Kitab al-Sab'ah fī al-Qirā'at.<sup>42</sup>

Selepas itu, banyak hasil-hasil penulisan telah dibukukan seperti kitab-kitab hujah dalam *qirā'at* contoh kitab al-Sab'ah bi 'Ilalihā al-Kabīr oleh Muhammad bin al-Hasan al-Anshāriyy, al-Hujjah fī 'ilal al-Qirā'at al-Sab' oleh Husīn bin Ahmad, kitab-kitab syarah al-Shātibiyy seperti Ibrāz al-Ma'ānī oleh Abī Shāmah, kitab-kitab mukhtasar al-Shātibiyyah seperti Hirz al-Ma'ānī oleh Ibn Malih al-Nahawī, kitab-kitab usul al-Nashr fī al-Qirā'at al-'Ashr seperti kitab al-Kāfī oleh al-Ra'iyyiniy, kitab al-'Inwān oleh Abī Tāhir al-Ansāriy.<sup>43</sup>

Antara kitab-kitab *qirā'at* tujuh yang masyhur ialah yang ditulis oleh Abū 'Amrū 'Uthmān bin Sa'id bin 'Uthmān bin S'aīd bin 'Umar al-Dānī al-Umawī merupakan seorang ulama di dalam ilmu *qirā'at*.<sup>44</sup> Dan ramai tokoh-tokoh *qurrā'* dan *qirā'at* yang bertalaqqī secara *mushāfahah* dengan Imam Abī 'Amrū al-Dānī iaitu Abū Daud Sulayman bin Najah al-Umawī penulis kitab *al-Bayān al-Jāmi' li 'Ulūm al-Qur'an* yang terdiri 300 juzu', kitab *al-'itimād fī Usūl al-Qirā'ah wa al-Diyanah* dan sebagainya, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ibrāhīm bin Ilyās al-Lakhamī yang dikenali dengan ibn Syuayb, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin 'Īsā bin Farj al-Tajībī al-Maghamī al-Thalīlī dan Imam Abī 'Amrū al-Dānī juga menganugerahkan *sanad* ijazahnya kepada Abū 'Abd Allāh Ahmad bin Muhammad bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-Rahman bin 'Uthmān al-Khawlanī dan Abū al-Qāsim Ahmad bin 'Abd al-Mālik bin Mūsā ibn Abī Hamzah al-Sūsī. Malahan beliau juga menulis kitab-kitab *qirā'at* iaitu

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Muhammad Rashīd Rāghīb Qabbanī, 1420H/1999M. *al-Tibyān fī Ahkām Tilāwah al-Kitāb al-Mubīn* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah. H.92-92.

<sup>42</sup> Abd al-Halim bin Muhammad al-Hādī Qābah. 1420H/1999M. *al-Qirā'at al-Qur'āniyyah Tārīkhuhā, Thubūtuḥā, Hujjiyatuhā wa Ahkāmuhā*, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Isāmīyy. H.62.

<sup>43</sup> 'Abd Halim ibn Muhammad al-Hādī Qābah, *Ibid.* H.63-64.

<sup>44</sup> Abū 'Amrū 'Uthmān bin Sa'id Al-Dānī, *Kitāb al-Taysīr fī al-Qirā'at al-Sab'* (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1426H/2005M), 4-8.

sebanyak 25 buah kitab antaranya kitab *Jāmi' al-Bayān fī al-Qirā'at al-Sab'*, *Manzūmah al-Iqtisad Arjūzah* dan sebagainya.<sup>45</sup>

Hasil karya penulisan Imam al-Shātībī yang sangat terkenal dalam kitab-kitab *qirā'at* tujuh ialah Kitab *Hirz al-Amānī wa Wajhu al-Tahannī* iaitu merupakan kitab ringkasan *Qirā'at* Tujuh oleh Imam Abī 'Amrū 'Uthmān bin Sa'īd al-Dānī<sup>46</sup> dan digunapakai sebagai rujukan utama di dalam institusi-institusi pengajian tahfiz di Malaysia serta menjadi rujukan utama dalam asas pengajian *qirā'at* di Mesir. Shu'lah juga mengiktiraf al-Shātibiyyah salah seorang pelopor *qirā'at* tujuh yang masyhur kitabnya dengan *Matan al-Shātibiyyah*.<sup>47</sup>

Manakala kitab al-Nasyr fī al-Qirā'at al-'Asyr oleh imam al-Jazarī juga terkenal dalam *qirā'at* sepuluh. Beliau telah mula belajar *qirā'at* ketika berumur dua belas tahun dengan Imam ibn al-'Asqalānī dan telah menyempurnakan bacaan *qirā'at* sepuluh daripada bapanya dengan membaca dua kitab iaitu *al-Nashr* dan *al-Taqrīb*.<sup>48</sup> Beliau bertalaqqī *qirā'at* dengan ulama-ulama Damshiq, Mesir dan Hijaz. Antaranya di Damshiq seperti 'Abd al-Wahāb bin al-Salar, al-Shaykh Ibn al-Tahhān dan al-Laban dan Ahmad bin al-Husīn serta di Mesir seperti al-Shaykh al-Jundī, al-Shaigh dan al-Bagdahī serta di Hijāz seperti Muhammad bin Sālih. Beliau suka mengembara ke negara-negara Islam untuk mencari ilmu seperti Mesir, Madinah, Basrah, Samarqand, Khurasān, Asbahan, Shīrāz sehingga ke 'Anizah di Najd sehingga telah membina sebuah pusat pengajian *qirā'at* di Shīrāz yang diberi nama 'Dār al-Qur'ān'.<sup>49</sup> Antara kitabnya yang terkenal dalam bidang *qirā'at* ialah "*Taqrīb al-Nashr*".<sup>50</sup>

Zaman pembukuan dan penulisan berkembang pesat sehingga al-Shams ibn al-Jazarī telah menaqqalkan seluruh imam-imam dengan *tarīq* yang sahīh daripada kira-kira seribu *tarīq* yang sahīh yang terdiri daripada lebih enam puluh kitab dengan memindahkan dan menghalusinya dengan *sanadnya* serta membezakan dengan *qirā'at*

<sup>45</sup> Abū 'Amrū 'Uthmān bin Sa'īd Al-Dānī, *Kitāb al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'*, *Ibid.* H.4-8.

<sup>46</sup> 'Abd al-Fattāh al-Qādī, *Al-Wāfī fī Sharh al-Shātibiyyah* (al-Qāherah: Dār al-Salam, 1423H/2003M), H.3-4.

<sup>47</sup> Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin al-Husyan al-Mūsili Shu'lah, *Sharh Shu'lah 'alā al-Shātibiyyah*. Jamal al-Dīn Muhammad Sharaf (*tahqīq*) 1428H/2008M. Tantā: Dār al-Sahabah li al-Turath. H. 6.

<sup>48</sup> Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Alī bin Yūsuf ibn al-Jazarī, 1412H/1992M. *Sharah Tayyibah al-Nashr*. Misr: Dār al-'Ammah lil Ma'āhid al-Azhariyyah. H.5.

<sup>49</sup> Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Alī bin Yusuf ibn al-Jazarī, 1983. *Tahbīr al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-'Ammah al-'Asharah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. H. 5.

<sup>50</sup> *Ibid.*

*sahih* dan *qirā'at* tidak *sahih*. Kemudian selepas itu lahir kitab *al-Taysir fī al-Qirā'āt al-Sab'* oleh imam Abū 'Amrū al-Dānī dan kitab ini merupakan ringkasan *qasidah* yang diberi nama *Hirz al-Amānī wa Wajhu al-Tahānī* oleh imam al-Shātībī dan Kitab *Tahbīr al-Taysir fī al-Qirā'at al-Thalāthah al-Mutimmah li al-'Ashr* oleh imam ibn al-Jazārī dan merupakan ringkasan dari *qasidah al-Durrah al-Mudī'ah*. Semua mereka mengambil dengan satu *tarīq* daripada setiap perawi imam tujuh dan ditambah dengan tiga perawi ketiga-tiga imam termasuk Abī Ja'afar, Ya'qūb dan Khalaf.<sup>51</sup> Imam al-Jazari merupakan *muhaqqiq* yang terakhir dalam pembukuan riwayat-riwayat *qirā'at*. Setiap orang yang terlibat dengan proses pendidikan *qirā'at* akan berpegang kepada kitab al-Nashr fī al-Qirā'at al-Ashr oleh imam Jazārī sebagai rujukan utama.<sup>52</sup>

## 6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pelopor pertama yang menyebarkan ilmu *qirā'at* di dalam pendidikan *qirā'at* iaitu Rasulullah s.a.w dan bertanggungjawab memperkenalkan madrasah *qirā'at* yang pertama, seterusnya diikuti dengan peranan para huffaz al-Qur'an, para sahabat dan para tabi'in yang menyebarkan *qirā'at* di pelusuk negara-negara Arab melalui proses *talaqqī* dan *mushāfahah* sehingga timbulnya zaman penulisan dan pembukuan ilmu *qirā'at* dalam proses pendidikannya yang menyumbang ke arah faktor-faktor perkembangan ilmu *qirā'at* yang lebih pesat.

---

<sup>51</sup> Al-Nuhhās, 'Alī Muhammad Tawfiq, 1425H/2004M. *Muqaddimah fī 'Ulūm al-Qirā'āt*. Tantā: Dār al-Sahābah li al-Turāth, H.28.

<sup>52</sup> 'Abd Halim ibn Muhammad al-Hādī Qābāh. *Ibid*. H.64.

## RUJUKAN

- Abd al-Fattāh al-Qādī, *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirā'āt al'Ashr al-Mutawātirah min tariqay al-Shātibiyyah wa al-Durrah* (Qāherah: Maktabah 'Īsā al-Bāb al-Halabī, (1415H/1955M).
- Abd al-Fattāh al-Qādī, *Al-Wāfi fī Sharh al-Shātibiyyah* (al-Qāherah: Dār al-Salam, 1423H/2003M).
- Abd al-Fattāh Isma'il al-Sha'labiyy, *al-Maqdal wa al-Tamhid fī 'Ilm al-Qirā'at wa al-Tajwīd*, (Qāherah: Maktabat Wahbat, 1419H/1999M).
- Abd Halim ibn Muhammad al-Hādī Qābāh, *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah: Tārīkhuhā, Thubūtuhā, Hujjiyatihā, wa Ahkamihā* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1419H/1999M).
- Abī Shāmah al-Dimashqī, *Ibrāz al-Ma'ānī min Hirz al-Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab'*. (Qāherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1402H/1891M).
- Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin al-Husyan al-Mūsili Shu'lah, *Sharh Shu'lah 'alā al-Shātibiyyah*. Jamal al-Dīn Muḥammad Sharaf (*tahqīq*) (Tantā: Dār al-Sahābah li al-Turath, 1428H/2008M).
- Abū 'Amrū 'Uthmān bin Sa'īd Al-Dānī, *Kitāb al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'* (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1426H/2005M).
- Ahmad al-Baylī, *Al-Ikhtilāf baina al-Qirā'āt* (Bayrūt: Dār al-Jīl, 1404H/1984M).
- Ahmad Muhammad Abū Zaythar, *Latā'if al-Bayān fī Rasm al-Qur'ān syarh Mawrid al-Zam'an*, (Misr: Ma'ahid al-Azhariyyah, 1415H/1995M).
- Al-Bazmūl, Muhammad 'Umar bin Sālim, *Al-Qirā'āt wa Āthāruhā fī al-Tafsīr wa al-Ahkām*. Jilid 2. (Riyād: Dār al-Hijrah, 1417H/1996M).
- Al-Fayrūz Abādī *Al-Qāmūs al-Muhit*, (Bayrūt: Mua'ssasah al-Risālah 1419H/1998M).
- Al-Nuhhās, 'Alī Muhammad Tawfiq, *Muqaddimah fī 'Ulūm al-Qirā'āt*. (Tantā: Dār al-Sahābah li al-Turāth, 1425H/2004M).
- Amānī bintu Muhammad 'Āshūr Umm Walīd, *al-'Usūl al-Nayyirāt fī al-Qirā'āt*. (Riyād: Madār al-Watan li al-Nashr, 1432H/2011M).
- Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abd Allāh Al-Zarkashī, *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Qāherah: Maktabah 'Īsā al-Bāb al-Halabī, 1972).
- Hasan 'Abbās Qutb, Sahīh Muslim bi Sharh al-Nawawī, (cet.per-1, Riyād: Dār 'Ālam al-Kutub, 1423H/2003M).
- Hasan Diyā' al-Dīn 'Itr. *Al-Ahruf Sab'ah wa Manzilah al-Qirā'āt minhā* (Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 1988).

- Ibn Manzūr, Abi al-Fadl Jamal al-Dīn Muhammad ibn Mukarram, *Lisān al-‘Arab*, j.2, Bayrut: Dār Sadir,t.t).
- Ibrahim Mustafa, et.al, *al-Mu’jam al-Wasit*, (Turki: al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1393H/1972M)
- Khayr al-Dīn Sayyb. *al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah wa Athāruhā*. (Bayrut, Lubnān: Dār Ibn Hazam, 1429H/2008M)
- Manna’ al-Qattan, *Mabāhith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Maktabat Ma’ārif, Riyād, 1417/1996).
- Muhammad al-Habash, *Al-Qirā’āt al-Mutawātirah: wa atharuhā fī al-Rasm al-Qur’ānī wa al-Ahkām al-Shar’iyyah* (cet.per-1, Bayrūt: Dār al-Fikr, 1419H/1999M).
- Muhammad al-Mukhtar Wulad Abbah, *Tārīkh al-Qirā’āt fī al-Mashrīq wa al-Maghrib*. (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 2008).
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Alī bin Yūsuf ibn al-Jazarī, *Sharah Tayyibah al-Nashr* (Misr: Dār al-‘Ammah lil Ma’āhid al-Azhariyyah, 1412H/1992M).
- Muhammad Muhammad Sālim Muhaysin, *Al-Irshādāt al-Jaliyyah fī al-Qirā’āt al-Sab’ min Tarīq al-Shātibiyyah* (Qāherah: al-Idārah al-‘Ammah lil Ma’āhid al-Azhariyyah, 1402H/1982M).
- Muhammad Rashīd Rāghīb Qabbanī, *al-Tibyān fī Ahkām Tilāwah al-Kitāb al-Mubīn* (Bayrūt: Dār al-Ma’rifah 1420H/1999M).
- Muhammad Salim Muhaysin, *Fī Rihāb al-Qur’ān*, Bayrūt: Dār al-Jīl, 1409H/1989M).
- Sha’bān Muhammad Ismā’īl: *al-Qirā’āt Ahkāmuhā wa Masdāruhā*, Ed.ke-2. Qāherah: Dār al-Salām 1420H/1999M.
- Subhī Sālih, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Bayrūt: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 1409H/1990M).